

Patuhi prosedur keselamatan di tapak pesta — Norian

UM 15 OCT 2003

PUTRAJAYA 14 Okt. — Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, meminta orang ramai yang mengunjungi Ekspo OIC 2003 yang mula dibuka hari ini agar mematuhi dan mengikuti setiap arahan polis dan prosedur keselamatan di tapak pesta tersebut.

Menurut beliau, prosedur keselamatan di tapak ekspo berkenaan perlu dipatuhi bagi mengelakkan sebarang insiden yang boleh mencemarkan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Persidangan Putrajaya (PCC) yang terletak bersebelahan.

“Kita meminta orang ramai

memberikan kerjasama sepenuhnya apabila diminta menjalani pemeriksaan mesin pengimbas,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke PCC, di sini hari ini.

Ekspo OIC 2003 yang diadakan sempena sidang kemuncak itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

Ekspo itu dibuka percuma kepada orang ramai bermula pukul 10 pagi hingga 6 petang.

Norian menambah, prosedur keselamatan yang perlu dilalui oleh pengunjung itu bukan sahaja berfungsi sebagai langkah ber-

jaga-jaga tetapi menunjukkan kepada masyarakat luar bahawa Malaysia mempunyai sistem kerja dan keselamatan yang teratur.

Beliau memberitahu, segala prosedur keselamatan berkenaan bukan sahaja perlu dilalui dan diikuti oleh pengunjung tempatan tetapi pelawat-pelawat dari negara luar termasuk pemimpin bagi sesebuah negara.

“Setakat ini saya amat berpuas hati dengan langkah-langkah yang kita jalankan dari segi keselamatan dan hingga kini tiada insiden yang dianggap boleh mencemarkan OIC,” katanya.